

RINGKASAN

PERUTUSAN Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM,
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPENA PERHIMPUNAN
BULANAN DAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA PADA 5 JUN 2007
(SELASA)

Y. Bhg. Dato' memberi salam, mengucapkan selamat pagi dan selamat sejahtera kepada semua pegawai dan kakitangan yang hadir, seterusnya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya perhimpunan bulanan sekali lagi dapat diadakan. Perhimpunan bulanan kali ini diadakan bersekali dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuhnya pada 5 Jun 2007 (Selasa) dan disambut di seluruh dunia.

Tema sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini ialah "*Melting Ice. A Hot Topic ?*". Fenomena pemanasan global bukan merupakan satu fenomena yang baru. Ianya wujud sejak sekian lama. Apa yang berlaku pada hari ini sebenarnya adalah suatu hakikat. Kita sebagai individu harus memainkan peranan masing-masing ke arah mengatasi masalah pemanasan global ini. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya pemanasan global. Aktiviti perindustian, aktiviti manusia dan proses perbandaran (urbanisasi) yang pesat adalah merupakan antara faktor utama berlakunya fenomena pemanasan global.

Terdapat kajian-kajian menunjukkan berlakunya peningkatan suhu dunia akibat daripada faktor-faktor yang disebutkan tadi. Oleh sebab itu, terdapat air batu (ais) di kawasan kutub utara menjadi cair. Kesan kepada pemanasan dunia ini telah menyebabkan perubahan cuaca

yang tidak menentu dan dikatakan punca berlakunya hujan lebat sehingga mengakibatkan banjir besar di Johor awal tahun ini. Menurut kajian saintis, perubahan cuaca di seluruh dunia adalah disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri seperti peningkatan penggunaan tenaga dan bahan api yang semakin meningkat.

Y. Bhg. Dato' menyeru kepada setiap warga JAS agar menghayati perubahan yang berlaku di seluruh dunia yang memberi kesan kepada generasi kini dan lebih-lebih lagi generasi kita akan datang. Sekiranya tidak berbuat sesuatu dari sekarang, kejadian ini akan menjadi bertambah serius dalam tempoh hanya 30 atau 40 tahun yang akan datang menurut kajian-kajian yang dijalankan oleh para saintis dunia.

Sempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar sedunia pada hari ini, pelbagai aktiviti telah dirancang dan diatur oleh Bahagian Komunikasi Strategik, Ibu Pejabat antaranya ialah *car pooling*, kempen mengurangkan penggunaan elektrik dan kempen kitar semula kertas. Program-program yang diadakan ini sedikit sebanyak akan membantu ke arah usaha-usaha mengurangkan pemanasan global.

Kempen kitar semula kertas terpakai misalnya adalah merupakan satu contoh usaha yang dilakukan ke arah mengurangkan pemanasan global. Kertas-kertas terhasil daripada pokok. Sekiranya pokok-pokok ditebang secara berleluasa, maka akan kurangnya pokok-pokok yang boleh menghasilkan oksigen dan menyedut kembali Karbon Dioksida yang terhasil akibat daripada pembakaran bahan api. Sekiranya kita menjimatkan penggunaan kertas, secara langsung akan mengurangkan kewujudan Karbon Dioksida, antara gas yang menyebabkan dunia menjadi lebih panas.

Y. Bhg. Dato' juga mengambil kesempatan pada perhimpunan bulanan pagi ini untuk mengingatkan kepada semua warga JAS, jangan sekali-kali walau dalam keadaan apa sekalipun menyalahgunakan kuasa. Perkara ini berkali-kali diulang dalam perhimpunan bulanan sebelum ini. Sekiranya didapati mana-mana anggota JAS yang melakukan perbuatan sedemikian, tindakan yang tegas akan diambil terhadap mereka. Y. Bhg. Dato' mengambil contoh apa yang berlaku di salah satu pejabat JAS baru-baru ini. Kejadian ini hendaklah dijadikan iktibar dan jangan ada di kalangan kita yang walaupun hanya sekadar terfikir akan melakukan perbuatan seperti ini.

Y.Bhg. Dato' mengambil contoh mengenai dengan satu penyelewengan yang telah dilaporkan kepada beliau baru-baru ini di mana terdapat seorang kakitangan di Jabatan Alam Sekitar yang menyalahgunakan kad inden (kad minyak) Jabatan untuk kepentingan peribadi. Beliau telah menggunakan kad inden minyak yang sepatutnya hanya boleh digunakan untuk kenderaan jabatan sahaja dan untuk tugas-tugas rasmi sahaja dan perlu dicatatkan dalam buku inden. Tetapi pegawai berkenaan telah menyalahgunakan kuasanya dengan menggunakan kad ini untuk menjual minyak kepada orang ramai. Y. Bhg. Dato' berasa amat kecewa dengan perbuatan tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh kakitangan berkenaan. Perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku. Ini menunjukkan tahap integriti kakitangan berkenaan amat rendah. Beliau mengarahkan supaya kakitangan berkenaan dikenakan tindakan tatatertib di atas perbuatan yang dilakukannya itu. Dianggarkan kakitangan berkenaan telah menyalahgunakan kad minyak tersebut untuk kegunaan peribadi

berjumlah lebih RM 40 ribu. Perbuatan seperti ini bukan sahaja memalukan kita semua, malah imej dan reputasi Jabatan turut terjejas.

Selain dari itu, pengumuman kenaikan gaji oleh Kerajaan baru-baru ini perlu seiring dengan peningkatan semangat dan melipat gandakan usaha untuk bekerja lebih gigih dan cemerlang lagi. Dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Y. Bhg. Dato' sekali lagi mengingatkan kepada semua yang hadir, janganlah sekali-kali menyalahgunakan kuasa yang diberi.

Di akhir ucapan, Y.Bhg. Dato' mengucapkan "Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia".

5 Jun 2007 (Selasa)